

MONSUN TIMUR LAUT

'Nelayan tak boleh 'ralik' ketika di laut'

Dalam keadaan cuaca yang memasuki musim peralihan Monsun Timur Laut (MTL) tak boleh 'ralik' (leka) sangat tangkap ikan apabila keluar ke laut," kata Ahmad Badaruddin Muhamad, 50, dari Kampung Seberang Takir, dekat sini.

Menurutnya, walaupun dia sendiri berpengalaman lebih 20 tahun sebagai nelayan, tetapi masih perlu berhati-hati apabila ke laut.

Katanya, bagi dirinya tahun ini cuaca boleh dikatakan tidak menentu sepanjang tahun tidak seperti tahun-tahun sebelumnya.

"Saya berpendapat begitu kerana apabila kita guna jadual angin dan gelombang ia sama sekali, boleh dikatakan tidak begitu tepat kerana apabila jadual menunjukkan tiada angin dan gelombang namun apabila ke laut se-

KELIHATAN nelayan turun ke laut untuk menangkap ikan ketika tinjauan di Pantai Seberang Takir. Keadaan cuaca tidak menentu membataskan terutama nelayan yang menggunakan bot gentian kaca untuk berada lama di laut. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

baliknya berlaku. "Nak guna pedoman dan pengalaman juga tidak praktikal namun untuk meneruskan mata pencarian saya nekad ke laut berpandukan gerak hati.

"Adakalanya dapat duduk lama sikit di laut namun ada masanya juga terpaksa berpatah balik kerana cuaca tidak mengizinkan dan itu adalah lumrah kehidupan seorang nelayan," katanya yang ditemui di Jeti Pengkalan Titian di sini, semalam.

Menurutnya, keadaan cuaca tidak menentu membataskan terutama nelayan yang menggunakan bot gentian kaca untuk berada lama di laut.

Katanya, biasanya musim MTL menyebabkan laut bergelora serta angin kencang mendorong nelayan menghabiskan masa di darat.

"Ada masa kami nelayan boleh 'jelok' (curi-curi) keluar ke laut pada musim MTL apabila keadaan angin tidak kencang dan gelombang tidak begitu tinggi.

"Tetapi kami tidak boleh duduk lama di laut musim ini apabila lihat awan gelap sebelah laut atau darat hati mula berdebar," katanya.

Menurutnya, nelayan melakukan perjalanan pada jarak antara 25 hingga 50 batu gelora bergantung kepada kuasa enjin yang digunakan dan ada yang keluar ke laut pada 4 pagi dan pulang pada waktu malam.

Katanya, musim MTL biasanya nelayan akan turun ke laut pada 3 atau 4 pagi dan akan pulang biasanya 2 pe-

tang atau lebih awal bergantung kepada keadaan cuaca.

Seorang lagi nelayan, Bakhtimy Muhamad, 40, berkata, dia tetap ke laut pada musim MTL bergantung kepada keadaan cuaca dan biasanya dia akan melakukan perjalanan 30 batu nautika untuk menangkap ikan.

"Musim ni...bila laut tenang boleh curi-curi keluar ke laut, biasanya perjalanan lebih sejam untuk sampai ke lokasi.

"Ada hasil atau tidak, sikit atau banyak kita tidak boleh 'ralek' (leka) sangat di laut dan kena (perlu) pulang segera," katanya yang juga nelayan secara mengail.

Menurutnya, kebiasaannya musim MTL ikan sedikit mudah untuk diperoleh dan biasanya dia akan keluar seawal 4.30 pagi dan pulang pada 2 petang.

Katanya, walaupun berisiko namun dia tetap berhati-hati kerana sedia maklum keadaan laut ketika MTL tidak seperti musim biasa.



Nak guna pedoman dan pengalaman juga tidak praktikal namun untuk meneruskan mata pencarian saya nekad ke laut berpandukan gerak hati?"

Ahmad Badaruddin